

BAHAGIAN A

SOALAN A1 (10 markah)

Arahan: Dalam petikan karangan di bawah ini terdapat lima patah perkataan yang telah digarisi. Bubuh imbuhan yang paling sesuai pada setiap perkataan. Tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

Sebuah pameran khas 'Kita: Penentu Cerita' anjuran bersama Muzium Negara Singapura dan akhbar utama Singapura, *The Straits Times*, sedang berlangsung di Muzium Negara Singapura sehingga 31 Ogos. Pameran ini **(1) papar** petikan-petikan foto daripada akhbar tersebut yang menyingkap peristiwa-persitiwa penting yang **(2) laku** di Singapura dari tahun 1950-an hingga 2013. Foto-foto ini dikategorikan kepada enam bahagian iaitu Merdeka, Tanah Air, Cabaran-Cabaran, Wira-Wira, Sungguh Singapura dan Kisah-kisah Kita. Para **(3) kunjung** akan dapat mengetahui peristiwa-peristiwa lama dan baharu yang telah membentuk Singapura pada masa kini. Antara foto-foto yang **(4) tayang** ialah rusuhan Maria Hertogh, runtuh Hotel New World dan *Grand Prix* pertama yang diadakan di Singapura pada tahun 1961. Salah satu foto yang menjadi **(5) bangga** rakyat Singapura apabila pemain bola sepak pasukan Singapura, Fandi Ahmad, menjulang trofi Piala Malaysia pada tahun 1994. Pameran ini merupakan satu peluang keemasan untuk rakyat mempelajari sejarah Singapura melalui rakaman foto-foto lama.

SOALAN A2 (5 markah)

Arahan: Pilih peribahasa yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan di bawah ini bagi tiap-tiap keterangan yang bergaris bawah dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- (A) garam jatuh ke air
- (B) alah bisa tegal biasa
- (C) belayar sampai ke pulau
- (D) bagai hujan jatuh ke pasir
- (E) malu berkayuh perahu hanyut
- (F) bagai menelan mestika embun
- (G) kusut di hujung, bawa ke pangkal
- (H) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa
- (I) hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati
- (J) rosak badan kerana penyakit, rosak bangsa kerana laku

Gelaran doktor pada nama Fitri, baru sahaja dua bulan diterimanya. Doktor Fitri, pakar dalam penyakit barah tulang, menyumbang tenaganya di Hospital Tan Tock Seng. Doktor mentornya, Doktor Maran, sering menasihati Fitri agar tabah menjalankan tugasnya. Ini kerana, Fitri masih agak kekok berhadapan dengan pesakit-pesakitnya yang pelbagai kerenah, Doktor Maran menasihatinya bahawa **(6)** perkara yang sudah biasa dilakukan tidak akan terasa lagi kesukarannya. Selain itu, Doktor Maran juga mengingatkannya bahawa pekerjaan doktor ialah satu pekerjaan yang mulia dan **(7)** seseorang yang hidup di dunia ini mestilah berbuat baik untuk diri sendiri dan juga berjasa kepada orang lain. Doktor Maran kagum akan Fitri yang **(8)** cepat menerima dan mudah memahami sesuatu pengajaran. Dalam masa dua bulan ini, Fitri cekap dengan penilaian pemeriksaan yang dibuat terhadap pesakit-pesakit itu dengan bantuan Doktor Maran. Beliau tidak segan-segan bertanya kepada mentornya kerana beliau percaya bahawa **(9)** kalau tidak berusaha, tentulah susah dan kalau segan bertanya, akan membuat kesilapan, kalau segan berusaha, tidak akan mendapat kemajuan. Oleh itu, setelah Fitri mendapat anugerah Doktor Muda Cemerlang, beliau memberi pengiktirafan kepada Doktor Maran yang banyak membantunya kerana **(10)** budi bahasa seseorang itu tidak dapat dibalas dengan wang dan harus diingati seumur hidup. Doktor Maran yang sering memberi tunjuk ajar, bimbingan dan nasihat sehingga Fitri dapat menjadi teladan kepada doktor-doktor muda yang lain.

SOALAN A3 (5 markah)

Arahan: Pilih sepatah perkataan yang paling sesuai daripada senarai yang diberikan bagi mengisi tempat kosong dalam teks yang berikut. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

dibawa	indah	justeru
namun	membalas	menjunjung
pilihan	segar	

Sirih junjung ialah daun-daun sirih yang disusun dalam bentuk piramida yang harus ada dalam majlis perkahwinan masyarakat Melayu. Sirih junjung disediakan oleh pihak keluarga lelaki untuk **(11)** _____ ke rumah pengantin perempuan pada hari pernikahan. Ia melambangkan keikhlasan pihak keluarga lelaki **(12)** _____ budi pihak keluarga perempuan. Ini kerana pihak keluarga perempuan sudi menerima pengantin lelaki sebagai suami kepada anak perempuan mereka. Sirih junjung merupakan helaian-helaian daun sirih yang tersusun rapi dan dihiasi dengan bunga-bunga **(13)** _____ untuk dijadikan sebuah gubahan yang akan dipersembahkan kepada pihak keluarga perempuan. Zaman berubah dan sirih junjung telah dimodenkan. Jika dahulu daun-daun sirih digunakan **(14)** _____ kini digantikan dengan sapu tangan-sapu tangan yang digubah dan dihiasi dengan bunga-bunga plastik yang masih disusun dalam bentuk piramida. Walau bagaimanapun, sirih junjung yang asli masih menjadi **(15)** _____ masyarakat orang Melayu. Sirih junjung akan diletakkan di tepi sudut sebelah kanan pelamin bertentangan dengan Sirih Dara sesuai dengan kedudukan pengantin lelaki di sebelah kanan pengantin perempuan ketika bersanding di atas pelamin.

BAHAGIAN B (10 markah)

Arahan: Baca petikan-petikan yang berikut dengan teliti.

Petikan 1


Judul Buku : 15 Teknik Bercerita

Penulis : Mohd. Gulam Jamaludin
Hazar Kamali Din
Hasniah Hussain

Terbitan : Dewan Bahasa dan Pustaka

Harga : \$25.00

Pengulas : Nazlenda Hadi



Komentar Pengulas:

Buku ini dihasilkan oleh tiga orang penulis yang berlatarbelakangkan guru bahasa. Mereka telah melalui sebuah bengkel **kelolaan** Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bagi memperkenalkan teknik bercerita untuk kegunaan guru sekolah rendah. Ketiga-tiga orang guru ini mengetengahkan sebanyak 15 teknik bercerita yang berkesan untuk dikongsi bersama para pembaca.

Melalui buku ini, pembaca dapat mengetahui tentang penggunaan kepelbagaian bahan dan cara sesuatu teknik bercerita itu disampaikan. Sebagai contoh, mengenalkan tema buah-buahan/sayur-sayuran menerusi cerita 'Arnab dengan Serigala'. Penulis menyediakan langkah-langkah membina cerita dengan menggunakan bahan seperti lobak, labu dan nanas. Jalan cerita juga disediakan sebagai bahan bercerita. Tekniknya ialah pencerita memerlukan gambar untuk menerangkan tema buah-buahan/sayur-sayuran.

Penulis juga menerangkan teknik bercerita secara turun-menurun seperti teknik wayang kulit dan penglipur lara. Penggunaan teknik wayang kulit diterangkan secara detil iaitu alunan lagunya dalam menyampaikan sesebuah cerita, cara menggerakkan keratan patung, cara membuat keratan patung dan cerita-cerita yang sesuai digunakan untuk disampaikan kepada kanak-kanak.

Buku panduan ini amat sesuai bagi guru sekolah tadika dan rendah untuk mengetahui lebih lanjut tentang kepelbagaian teknik bercerita. Selain itu diadakan penerangan tentang aktiviti-aktiviti bercerita untuk dijalankan bersama kanak-kanak atau murid-murid. Penyampaian ilmu melalui penceritaan akan menjadikan pembelajaran lebih aktif antara guru dan murid-murid.

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 5, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan memilih jawapan yang paling sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

16 Buku ini sesuai dijadikan panduan kepada guru-guru yang mahu menggunakan teknik bercerita dalam bilik darjah kerana _____ .

- (A) penulisnya mendapatkan bimbingan daripada Dewan Bahasa dan Budaya
- (B) penulis menerangkan cara membina bahan untuk menyampaikan sesuatu cerita
- (C) diterangkan gaya bercerita secara turun-menurun seperti teknik wayang kulit dan penglipur lara
- (D) diterangkan tentang berbagai-bagai teknik dan aktiviti bercerita untuk diadakan bersama kanak-kanak atau murid-murid

17 Keberkesanan penggunaan teknik bercerita dalam mengajar sesuatu ilmu ialah _____.

- (A) teknik-teknik ini ditulis oleh tiga orang guru bahasa
- (B) teknik-teknik ini diajar oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka
- (C) penerangan secara detil untuk guru menyampaikan sesuatu cerita
- (D) suasana pembelajaran yang lebih aktif antara guru dan murid-murid

18 Perkataan 'kelolaan' dalam petikan ini bermaksud _____ .

- (A) urusan
- (B) panduan
- (C) kendalian
- (D) rancangan

Petikan 2

'Lat Kartunis Malaysia'

Lat, satu nama yang tidak asing lagi di persada bidang komik atau kartun lucu. Lat atau nama sebenarnya Mohammad Nor Khalid, telah berkecimpung dalam bidang ini sudah agak lama. Beliau yang kini berusia 65 tahun masih menyumbangkan lukisannya kepada akhbar bahasa Inggeris di Malaysia, *New Straits Times*.



Beliau yang telah diberi gelaran Datuk oleh Sultan Perak pada tahun 1994, berkata bahawa beliau sudah separuh bersara. Namun begitu, beliau masih aktif menjelajah dunia, berceramah dan baru-baru ini, menghadiri program pertukaran idea artis sedunia di Itali.

Sejak kecil lagi, Datuk Lat sudah meminati bidang lukisan. Ayahnya yang bekerja sebagai kerani akan membawa pulang bergulung-gulung kertas untuk beliau melukis. Setelah beliau meningkat dewasa, ibunya pula membelikannya pena dan dakwat untuk melukis. Alat-alat melukis seperti dakwat, berus dan pena menjadi bahan utama untuknya melukis kartun sehingga kini.



Menurut beliau, tidak pernah terlintas di fikirannya bahawa bidang melukis itu akan membawa kejayaan kepada dirinya sehingga beliau dapat menjelajah dunia. Semasa beliau mula-mula melukis, beliau sering mendapat pujian daripada teman-teman, guru-guru dan saudara-mara. Ini yang membuatnya semakin bersungguh-sungguh melukis. Oleh yang demikian, beliau yakin bahawa inilah bidang kerjaya yang akan diceburinya kelak.

LAT

Arahan: Berdasarkan petikan di halaman 7, jawab soalan-soalan di bawah ini dengan

memilih jawapan yang sesuai. Kemudian, tulis huruf jawapan pilihan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

19 Datuk Lat masih diburui oleh pelukis dan penulis bidang komik. Pilih satu jawapan di bawah ini bagi membuktikan pernyataan tersebut.

- (A) Beliau melukis untuk *New Straits Times*.
- (B) Beliau berceramah sambil menjelajah dunia.
- (C) Beliau terlibat dalam program pertukaran idea artis sedunia di Itali.
- (D) Beliau masih melukis kerana mendapat pujian daripada teman-teman, guru-guru dan saudara-mara.

20 Tunggak utama dalam permulaan kerjaya Datuk Lat ialah _____ .

- (A) gelaran Datuk yang diterima beliau pada tahun 1994
- (B) beliau masih melukis walaupun sudah separuh bersara
- (C) bahan-bahan melukis yang dibawa oleh ayah dan ibunya
- (D) galakan positif yang beliau terima daripada teman-teman, guru-guru dan saudara-maranya

BAHAGIAN C (30 markah)

Arahan: Baca petikan karangan yang berikut dengan teliti.

“Awak terpaksa berlakon di dalam drama ini menggantikan Fuad yang patah kakinya ketika bermain bola sepak semalam,” kata Cikgu Zailani, guru Kelab Drama Melayu kepada Badrul. Mulutku terlopong. Darahku melonjak naik. Diam seribu bahasa. Peluh sejuk mambasahi tubuhku.

“Awak faham tidak Badrul? Awak sahaja yang saya boleh harapkan. Bukankah awak sentiasa mengikuti latihan-latihan yang kita adakan? Saya pasti awak sudah tahu akan jalan ceritanya dan peranan yang dipegang oleh Fuad. Awak pun telah saya pilih sebagai pelakon simpanan sekiranya ada sesuatu berlaku kepada Fuad. Jika awak tidak dapat berlakon, kelab drama kita terpaksa menarik diri daripada pertandingan tersebut. Peranan awak dalam lakonan ini amat penting, tanpa watak awak, cerita drama kita tidak ada maknanya,” terang Cikgu Zailani. 5

Gerun sekali aku mendengar hujah Cikgu Zailani yang seolah-olah mengugut dan menggugat diriku. Aku benar-benar terperangkap. Aku tidak boleh memegang watak Fuad. Aku mudah diserang darah gemuruh lebih-lebih lagi apabila berdiri di hadapan khalayak ramai. Setahu aku, hanya tinggal dua minggu lagi pertandingan drama itu. Kelab Drama sekolahku akan bertanding dalam pertandingan drama di peringkat nasional. Skrip drama yang berjudul ‘Pohon Beringin Pak Sako’ ditulis oleh Cikgu Zailani berdasarkan kejadian sebenar yang berlaku di Singapura pada tahun 1950-an. 10 15

Malam itu aku tidak dapat tidur. Keringat membasahi pakaianku dan tubuhku. Aku semakin **cemas** memikirkan tentang latihan pertamaku esok petang di sekolah. Tiba-tiba pada pukul 3.00 pagi, perutku memulas. Aku terus meluru ke bilik air. Tidak kusangka, aku terpaksa ke bilik air sebanyak lima kali. Pagi itu juga, ibu membawaku ke klinik. Bukan itu sahaja, seminggu kemudian aku diserang demam panas dan diberikan dua hari cuti sakit sekali lagi. Aku dimarahi ibu kerana masih berdegil hendak berlakon tanpa memikirkan kesihatanku yang terjejas. Ibu mengingatkanku bahawa aku mudah diserang darah gemuruh dan sudah pasti aku akan cepat lemah semangat. 20

Sepanjang sesi latihan drama, aku tidak dapat berlakon dengan baik. Aku telah mengecewakan semua orang terutama sekali Cikgu Zailani. Beliau cuba memberi kata-kata perangsang kerana beliau telah pun diberitahu ibu tentang darah gemuruhku. Aku berjanji kepada diriku untuk sesi latihan yang seterusnya, aku akan berlakon dengan lebih baik. Aku akan berusaha melenyapkan perasaan darah gemuruhku dengan sentiasa bersikap tenang dan kuat semangat. Cikgu Zailani dan teman-teman kelab drama memerlukan aku. Pertandingan yang berprestij ini hanya diadakan dua tahun sekali. Dua tahun yang lalu, kelab dramaku tidak memenangi apa-apa piala. Oleh itu, aku tidak mahu sekolah aku hampa lagi pada tahun ini. Skrip ‘Pohon Beringin Pak Sako’ yang penuh bersejarah dan unsur-unsur dramatiknyanya meyakinkanku bahawa kelab dramaku boleh menang. 25 30

Hari yang ditunggu-tunggu sudah tiba. Aku berdoa agar diberikan ketenangan dan kekuatan hati untuk membawa watakku itu dengan baik dan berkesan. Walaupun watakku hanya sebagai pohon beringin tanpa dialog dan tanpa gerakan, aku tetap bangga akan peranan tersebut. Tanpa watak pohon beringin, maka tiadalah drama ‘Pohon Beringin Pak Sako’. Aku bersyukur dapat melalui pertandingan itu dengan baik dan tenang. Para panel bangga akan persembahan drama kami. Kami dinobatkan sebagai juara dalam pertandingan ini. Aku dapat **mengharumkan** nama sekolah dan yang penting, aku dapat mengatasi darah gemuruhku itu. 35

Kini, aku semakin bersedia untuk membawa watak-watak yang lebih mencabar dalam lakonan-lakonan yang seterusnya. Aku ingin mengucapkan terima kasihku kepada Cikgu Zailani kerana telah mempercayai diriku selama ini. Aku semakin berani dan berkeyakinan. 40

(Dipetik dan diubah suai daripada cerpen ‘Pohon Beringin Pak Sako’ dalam Antologi Rona)

Arahan: Berdasarkan petikan karangan di halaman 9, jawab soalan-soalan yang diberikan. Seberapa boleh, gunakan ayat-ayat kamu sendiri. Kemudian, tulis jawapan kamu di Kertas Jawapan yang disediakan.

- 21** Beri dua reaksi yang ditunjukkan Badrul apabila Cikgu Zailani meminta dia berlakon. (3 markah)
- 22** Terangkan sebab ibu Badrul tidak bersetuju Badrul berlakon. (3 markah)
- 23** “Gerun sekali aku mendengar hujah Cikgu Zailani yang seolah-olah mengugut dan menggugat diriku.” (baris 10). Mengapakah Badrul membuat pernyataan ini? (5 markah)
- 24** Nyatakan dua sebab mengapakah Badrul tetap berdegil hendak terus berlakon. (5 markah)
- 25** Beri dua sifat positif Cikgu Zailani serta contoh-contoh bagi menyokong jawapan kamu itu. (5 markah)
- 26** Setujukah kamu bahawa Badrul berjaya mengatasi masalah darah gemuruhnya? Jelaskan. (5 markah)

Arahan: Terangkan maksud perkataan yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- 27** cemas (baris 16) (2 markah)
- 28** mengharumkan (baris 37) (2 markah)

SELESAI

**PANDUAN MENJAWAB KERTAS PEPERIKSAAN
PERINGKAT GCE 'N'
KERTAS 1**

**KERTAS 1 (60 markah - 2 jam)
(BAHAGIAN A – 20 markah)**


FORMAT dan PEMILIHAN SOALAN

- Bahagian A mengandungi dua jenis soalan iaitu;
(1) E-mel Tidak Formal
(2) E-mel Formal
- Calon hanya **memilih satu soalan** untuk menjawabnya.
- Calon harus **membaca kedua-dua soalan** dan **memilih soalan** yang **boleh dijawab** dengan baik dan meluas ideanya.
- Bagi **E-mel Tidak Formal**, calon dikehendaki **menulis respons kepada e-mel peribadi** yang telah disediakan. Bagi E-mel Formal pula, berdasarkan maklumat yang diberikan, calon dikehendaki **melaporkan peristiwa** atau insiden yang berlaku kepada sesebuah institusi.
- Calon harus memperuntukkan sekurang-kurangnya **45 minit** untuk menjawab soalan ini. Panjang e-mel tidak harus kurang daripada **100 patah perkataan**.

MENJAWAB SOALAN

- Yang paling utama ialah calon harus berupaya **membezakan** soalan dan format **E-mel Tidak Formal dan E-mel Formal**.
- Setelah memilih soalan, calon harus **garis/bulat kata kunci** dalam soalan yang akan membimbing calon untuk memikirkan idea/respons yang sesuai.
- Dalam setiap soalan e-mel, kenal pasti **dua perkara** yang harus dikupas oleh calon.
- **Beri perhatian** pada **nama penerima dan pengirim**. Kemungkinan calon akan keliru dengan kedua-dua nama itu apabila hendak menulis e-mel tersebut.

(1) **Contoh soalan E-mel Tidak Formal**



(2) **Contoh soalan E-mel Formal**

Kamu telah menemani nenek kamu ke sebuah hospital bagi menjalani pemeriksaan kesihatannya kerana kurang mabuk dan muntah-muntah. Ketika kamu turun dari teksi, seorang jururawat di situ dengan segera membawa sebuah kerusi roda bagi nenek kamu. Jururawat itu juga menemani nenek kamu sementara kamu beratur di kaunter mengambil ubat sehinggalah membantu kamu ketika nenek kamu muntah.

Tulis e-mel kepada ibu pejabat hospital tersebut. Dalam e-mel kamu, **(i) nyatakan sikap baik jururawat itu yang patut dipuji. (ii) Sarankan juga cara-cara untuk memberi penghargaan kepada pekerja-pekerja contoh seperti jururawat tersebut.**

Kamu dikehendaki menggunakan alamat e-mel yang berikut:

Alamat pengirim : fikriadam@e-warkah.com

Alamat penerima : HospitalBestari@hospB.com

- Dalam contoh kedua-dua soalan di atas, calon harus **mengupas kedua-dua perkara (i) dan (ii)** tersebut. Calon boleh memberikan sekurang-kurangnya dua isi **bagi setiap perkara**.
- Pastikan **idea/isi** yang dikemukakan dapat **dihuraikan** dengan **meluas, meyakinkan, mendalam, menarik, kreatif** dan **imaginatif**.
- Setiap **idea/isi** yang diketengahkan, baiklah **disokong** dengan **contoh-contoh** yang relevan agar dapat meyakinkan pembaca.
- Calon harus sentiasa **rujuk pada kata kunci** dalam soalan agar isi yang diberikan tidak menyeleweng. Ini juga dapat mengelakkan calon daripada memberi isi-isi yang tidak logik.

ASPEK TEKNIKAL/FORMAT

- Calon harus **prihatin** akan **penyusunan isi-isi** terutama dalam segi pemerenggan. Perlu ada **perenggan permulaan, perenggan isi** (perkara (i) dan (ii)) dan **perenggan penutup**.
- Calon perlu **menyunting/mengedit isi-isi** yang ditulis untuk memastikan ianya **bebas** daripada **kesalahan** seperti ejaan, kosa kata, imbuhan, tanda baca dan struktur ayat. Yang paling penting ialah **isi yang dikupas menepati setiap perkara dalam soalan**.
- Gunakan **penanda wacana** seperti *namun begitu, lantaran, dalam pada itu, kesimpulannya* dan sebagainya untuk **mengaitkan setiap pemerenggan** agar pembaca dapat melihat **kesinambungan penulisan** tersebut.

Contoh Format E-mel Tidak Formal/E-mel Formal

Daripada :
Kepada :
Subjek :

Perenggan 1 (Permulaan)

Perenggan 2 (Isi [i] a)

Perenggan 3 (Isi [i] b)

Perenggan 4 (Isi [ii] a)

Perenggan 5 (Isi [ii] b)

Perenggan 6 (Penutup)

Salam hormat
Nama Pengirim

KERTAS 1 (BAHAGIAN B – 40 markah)

FORMAT dan PEMILIHAN SOALAN

- Bahagian B mengandungi **empat soalan** dari tiga jenis iaitu Deskriptif, Naratif dan Ekspositori.
- Calon hanya memilih **satu soalan** untuk ditulis.
- Calon harus **membaca kesemua soalan** dan **memilih soalan** yang **boleh dijawab** dengan baik dan meluas ideanya.
- Calon harus memperuntukan sekurang-kurangnya **1 jam 15 minit** untuk menulis soalan ini. Panjang cerita tidak harus kurang daripada **200 patah perkataan**.

MENJAWAB SOALAN NARATIF

Contoh soalan Naratif:

Tulis sebuah karangan dengan menggunakan permulaan yang berikut:

Semenjak ayah dihantar syarikatnya bekerja di Australia, abang dan kakak asyik bertengkar sahaja. Ibu telah kerap menasihati mereka berdua, namun ...

- Setelah memilih soalan, **garis/bulat kata kunci** dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea-idea yang sesuai.
- Dalam soalan jenis Naratif, calon perlu beri perhatian pada perkataan 'permulaan' atau 'berakhir'. Dengan demikian, sama ada calon harus **memulakan penulisannya dengan perenggan tersebut** atau **mengakhirkan penulisaannya dengan perenggan yang diberikan**.
- Berdasarkan pada contoh soalan, calon harus memberi keutamaan pada **watak-watak** yang terdapat dalam soalan, **latar cerita** dan **latar masa**. Ini akan membantu calon memikirkan kesesuaian isi cerita yang berkisar pada aspek-aspek tersebut.
- Calon digalakkan mengetengahkan **idea-idea** yang **kreatif** dan **baharu**. Selain itu, sisipkan **dialog-dialog** antara **watak-watak** untuk menghidupkan cerita. Di samping itu, gunakan **frasa-frasa berbunga**, **peribahasa**, **simpulan bahasa** atau **simili** untuk memaparkan keindahan bahasa dalam karangan itu.

MENJAWAB SOALAN DESKRIPTIF

Contoh soalan Deskriptif:

Danial telah dilantik sebagai ketua kelas oleh Cikgu Samad. Semenjak itu, sikapnya semakin berubah. Danial semakin angkuh akan kedudukannya sebagai ketua

kelas. Baru-baru ini, **sebuah peristiwa telah berlaku** dan ini telah **menyebabkan Danial kelihatan sugul. Terangkan peristiwa tersebut.**

- Setelah memilih soalan, **garis/bulat kata kunci** dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam menulis soalan jenis Deskriptif, calon harus berupaya **memberikan** sebuah **gambaran** yang **jelas** tentang sesuatu peristiwa itu. Soalan ini memerlukan calon menggunakan banyak **Kata Adjektif**, **Kata Adverba** dan **Kata Ganda** bagi **menguatkan imajinasi** dan **meyakinkan pembaca**. Kata-kata yang menggambarkan **pancaindera** amat digalakkan dalam menerangkan sesuatu peristiwa itu.
- Calon harus sentiasa **rujuk pada kata kunci** dalam soalan agar isi yang diberikan **tidak menyeleweng**. Yang paling penting ialah **isi-isi** yang diketengahkan **menepati soalan** yang ditanyakan itu.

MENJAWAB SOALAN EKSPOSITORI

Contoh soalan Ekspositori:

Cara-cara untuk **mewujudkan persekitaran** yang **kondusif** di dalam **bilik darjah** bagi **meningkatkan mutu pembelajaran.**

- Setelah memilih soalan, **garis/bulat kata kunci** dalam soalan yang akan membimbing pelajar untuk memikirkan idea yang sesuai.
- Dalam menulis soalan jenis Ekspositori, calon harus berupaya **memberikan** hujah-hujah yang **disokong** dengan **contoh-contoh** yang relevan bagi **menguatkan pendirian** yang mendasari karangan tersebut.
- Calon yang memilih soalan ini, haruslah mempunyai **pengetahuan sedia ada** atau **fakta-fakta** yang akan dikemukakan dalam karangan tersebut. **Fakta-fakta (aspek isi)** ialah **sesuatu maklumat yang didapati daripada pembacaan dan pengetahuan calon**. Sekiranya calon mempunyai **pengetahuan** yang **cetek** dalam menyetengahkan hujah-hujahnya, maka **calon** akan **gagal** dalam **menyampaikan isi-isi** tersebut.

ASPEK TEKNIKAL/FORMAT

- Calon harus **prihatin** akan **penyusunan isi-isi** terutama dalam segi pemerenggan. Perlu ada **perenggan permulaan**, **perenggan isi** dan **perenggan penutup**.
- Calon juga harus berupaya **mengolah cerita** agar idea/isi itu **mantap** dan **padat**.

Jenis Naratif

- ❖ Maklumat Latar
- ❖ Watak dan Perwatakan
- ❖ Konflik/Klimaks
- ❖ Peleraian

Jenis Ekspositori

- ❖ Sudut Pandangan (Beri sekurang-kurangnya empat isi)
- ❖ Hujahan
- ❖ Rumusan (tekankan pendirian penulis)

Jenis Deskriptif

- ❖ Maklumat Latar
- ❖ Gambaran/Penerangan
- ❖ Penutup

- Calon harus **menyunting/mengedit isi-isi** yang ditulis untuk memastikan ianya **bebas** daripada **kesalahan** seperti **ejaan, kosa kata, imbuhan, tanda baca** dan **struktur ayat**. Pastikan penggunaan **laras bahasa** yang **sesuai** dan **tepat**.

**PANDUAN MENJAWAB KERTAS PEPERIKSAAN
PERINGKAT GCE 'N'
KERTAS 2**

KERTAS 2 (60 markah – 1 jam 30 minit)

- Kertas 2 dibahagikan kepada tiga bahagian seperti yang berikut:
Bahagian A – 20 markah
Bahagian B – 10 markah
Bahagian C – 30 markah

- Dalam **Bahagian A**, terdapat tiga komponen bahasa yang diuji.

- Soalan A1 – Imbuhan (10 markah)**
A2 – Peribahasa (5 markah)
A3 – Melengkapkan Teks (5 markah)

SOALAN A1 (IMBUHAN – 10 markah)

- Calon akan diberi **5 kata dasar** untuk diimbuhkan **imbuhan** dari segi **awalan**, **apitan** dan **akhiran**.

Contoh-contoh Imbuhan:

AWALAN	AKHIRAN	APITAN
se-	i-	ke- ... -an
te <u>R</u> -	kan-	pe <u>N</u> - ... -an
me <u>N</u> -	an-	di- ... -kan/i

- Calon perlu beri perhatian pada **kesalahan-kesalahan imbuhan** yang sering kali dilakukan.

Contoh kesilapan proses pengimbuhan:

KATA DASAR	SALAH	BETUL
gemuk	kegemuk<u>kan</u> Imbuhan (ke- ...-kan)	kegemu<u>kan</u> Imbuhan (ke- ...-an)
ambil kira	mengambilkira (ditulis dekat)	mengambil kira (ditulis jarak kerana imbuhan awalan)
bahaya	merbahay<u>kan</u> Imbuhan (mer- ... -kan)	membahay<u>kan</u> Imbuhan (mem- ... -kan)

Contoh soalan Imbuhan:

Perut membuncit terjadi apabila terdapat pengumpulan lemak di bahagian perut. Ini menyebabkan saiz pinggang semakin membesar. Seseorang itu boleh mengetahui kadar **(1) gemuknya** melalui beberapa cara. Cara yang pertama adalah dengan mengira **(2) ukur** pinggang dengan punggung atau *waist-hip ratio* (WHR). Cara yang kedua pula adalah dengan mengukur seluruh pinggang atau *absolute waist circumference* (AWC). Kajian yang **(3) laku** oleh Dr. Seidell J.C. telah menunjukkan bahawa WHR dan AWC ada kaitan yang tinggi dengan kadar kematian tanpa **(4) ambil kira** BMI. Ini merupakan satu petanda yang **(5) bahaya** diri seseorang itu. Ini bermakna, jika seseorang itu kurus tetapi buncit, dia sudah ada risiko yang tinggi untuk meninggal lebih awal.

JAWAPAN

1. kegemukan
2. ukuran
3. dilakukan
4. mengambil kira
5. membahayakan

SOALAN A2 (PERIBAHASA – 5 markah)

- Calon akan diberikan **5 makna peribahasa** untuk dipadankan dengan peribahasanya. Peribahasa yang **diuji** adalah daripada **senarai Menengah Satu hingga Menengah Empat**.
- Kemudiannya, calon **pilih peribahasa yang sesuai dengan makna peribahasa yang telah digarisi**.

Contoh soalan Peribahasa:

- (A) jadi umang-umang
- (B) seperti gunting makan di hujung
- (C) seperti seludang menolak mayang
- (D) kilat dalam kilau, kabus di dalam hujan
- (E) keras-keras kerak nasi, kena air lembut juga
- (F) kuat ketam kerana sepi, kuat burung kerana sayap
- (G) meski tertimbun dalam tanah, namun teras timbul juga
- (H) kalau tak ada berada, tak kan tempua bersarang rendah
- (I) kalau kail panjang sejengkal, jangan lautan hendak diduga
- (J) laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan

Saiful pulang ke rumah dalam keadaan sugul. Pada hemat Puan Dahlia, **(6)** pasti ada sesuatu yang telah berlaku kalau tidak mengapa Saiful bersikap sedemikian rupa. Setelah Saiful membersihkan dirinya, Puan Dahlia pun cuba beberapa kali untuk mengetahui perkara yang sebenarnya. Akhirnya, berjaya juga Puan Dahlia **(7)** memujuk dan menasihati Saiful. Disebaban Saiful tidak mahu ibunya terus risau akan keadaan dirinya, Saiful pun mula berbicara dan daripada kata-katanya itu **(8)** ada tersimpul beberapa kehendak hatinya. Saiful ialah ketua pengawas dan dia dipertanggungjawab untuk memastikan disiplin para pelajar. Semenjak bergelar ketua pengawas, banyak jelingan dan ejekan yang diterimanya daripada teman-temannya. Mereka mengatakan bahawa dia **(9)** amat angkuh dengan jawatan yang disandangnya itu. Lebih menyedihkan Saiful apabila dia mengetahui kawan karibnya sendiri, Zahid, yang telah berkata sedemikian. Dia **(10)** tidak sangka tetapi dalam sembunyi-sembunyi, itulah yang dilakukan oleh Zahid. Puan Dahlia telah mengambil kesempatan ini untuk berkongsi pengalamannya yang hampir sama dengan anaknya itu. Puan Dahlia menasihati Saiful supaya banyak bersabar kerana pada suatu hari nanti, rakan-rakan Saiful akan memahami tugas Saiful sebagai ketua pengawas.

JAWAPAN:

- 6. (H) kalau tak ada berada, tak kan tempua bersarang rendah
- 7. (E) keras-keras kerak nasi, kena air lembut juga

8. (D) kilat dalam kilau, kabus di dalam hujan
9. (C) seperti seludang menolak mayang
10. (B) seperti gunting makan di hujung

SOALAN A3 (MELENGKAPKAN TEKS – 5 markah)

- Calon akan diberikan **5 tempat kosong** untuk diisikan dengan perkataan yang paling sesuai daripada **8 pendaya** yang telah diberikan itu.
- Calon harus terlebih dahulu **membaca dan memahami teks**.

Contoh soalan Melengkapkan Teks:

lega	direka	senang
ialah	tersendiri	keseronokan
kegembiraan	disediakan	

Pesta hari lahir dan sambutan-sambutan lain untuk si anak kini semakin popular dalam kalangan ibu bapa muda. **(11)** _____ merancang pesta hari lahir si anak merupakan antara pendorong utama ibu bapa mahu mengadakan pesta sedemikian. Mereka mempunyai tema **(12)** _____ dan persiapan pesta itu akan mengikut temanya. Sebagai contoh, jika temanya **(13)** _____ 'Permaisuri' maka dari segi hiasan, hidangan makanan dan kek hari lahir akan **(14)** _____ dalam bentuk 'Permaisuri'. Lazimnya, ibu bapa ini akan memilih lokasi pesta seperti di calet, kolong blok atau dewan majlis. Ibu bapa berasa **(15)** _____ dapat mengongsi hari istimewa itu bersama-sama dengan ahli keluarga dan sahabat-handai. Pesta hari lahir seumpama ini akan dipenuhi dengan pelbagai aktiviti bagi menghiburkan hati tetamu-tetamu yang hadir.

JAWAPAN

11. **Keseronokan**
12. **tersendiri**
13. **ialah**
14. **disediakan**
15. **senang**

- Calon digalakkan **menggolongkan perkataan-perkataan** tersebut mengikut **golongan kata** iaitu **Kata Nama, Kata Kerja, Kata Adjektif** dan **Kata Tugas**. Ini dapat membantu calon memilih jawapan yang paling sesuai dengan petikan.

KATA NAMA	KATA KERJA	KATA ADJEKTIF	KATA TUGAS
kegembiraan	direka	lega	ialah
keseronokan	disediakan	senang	
		tersendiri	

- Calon juga harus **melihat setiap ayat** yang diberikan **tempat kosong** kerana daripada ayat tersebut kadang kala ia akan **memberikan petunjuk** bagi jawapan yang paling sesuai.

Contoh soalan:

- (i) **(1)** _____ merancang pesta hari lahir si anak...

*Petunjuk: Perkataan pertama dalam ayat selalunya dari golongan Kata Nama.
Jawapan : Keseronokan*

- (ii) ... bapa berasa **(15)** _____ dapat mengongsi hari istimewa...

*Petunjuk: Perkataan 'berasa' memberikan petunjuk kepada calon tentang perasaan.
Jawapan: senang*

KERTAS 2 (BAHAGIAN B – 10 markah)

Bahagian B – Kefahaman Objektif Berbentuk Rangsangan Stimulus (MCQ)

- Calon akan diberikan dua petikan rangsangan stimulus; **Petikan 1(3 soalan)** dan **Petikan 2 (2 soalan)**. Calon digalakkan **membaca soalan-soalan** terlebih dahulu dan pada masa yang sama **menggariskan kata-kata kunci**. Dengan cara ini, calon akan dapat menjangkakan intipati teks yang akan dibaca.
- Kemudiannya, calon akan membaca dan memahami teks. **Kata-kata kunci** yang digarisi akan digunakan untuk **memadankan perkataan-perkataan** tersebut yang terdapat **dalam petikan**. Ini akan membantu calon mendapatkan jawapan yang sesuai dengan soalan.
- Setelah itu, lihat pada **keempat-empat pilihan jawapan** A, B, C atau D dan melakukan **proses eliminasi**. Contohnya, pilihan A dan C tidak tepat, hanya tinggal pilihan B dan D. Padankan jawapan pada perenggan yang telah digarisi kata kuncinya dan pilih jawapan sama ada sesuai dengan B atau D.

Contoh Petikan Kefahaman Objektif:

Arahan: Baca dengan teliti petikan-petikan yang berikut.

Petikan 1

TEH BUNGA CHAMOMILE KAMELIA



Bunga Chamomile ini sudah dikenali sejak zaman Mesir kuno, dan digunakan untuk mengatasi berbagai-bagai masalah kesihatan. Kemudian, kajian yang dijalankan di Eropah menunjukkan yang bunga chamomile berupaya **menyembuhkan** penyakit sulit tidur.

Beberapa tahun kemudian, kajian yang dijalankan di *ACS Journal of Agricultural and Food Chemistry* di Jepun, membuktikan bahawa chamomile mampu menjauhkan seseorang daripada penyakit kencing manis (seperti kehilangan jarak pandang, kerosakan saraf, dan kerosakan ginjal). Mereka mendapati bahawa bunga chamomile dapat meneutralkan kadar gula dalam tubuh sehingga terhindar daripada penyakit kencing manis.

Antara manfaat meminum Teh Bunga Chamomile Kamelia :

- ❖ **Mengurangkan Ketegangan Otot**
- ❖ **Detoksifikasi Tubuh**
- ❖ **Mengatasi Insomnia**
- ❖ **Menyembuhkan sakit perut saat kedatangan haid**

Contoh soalan:

- (i) **Kajian** yang dijalankan **di Jepun dan Eropah** membuktikan bahawa **Bunga Chamomile** berupaya _____.

~~(A)~~ mengatasi semua penyakit

~~(B)~~ meredakan sakit perut akibat datang haid

(C) mengatasi masalah insomnia dan kencing manis

(D) menyembuhkan penyakit sukar tidur dan ketegangan otot

Proses Eliminasi:

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Padankan kata kunci yang digaris dengan teks.
- ❖ Kadang kala perkataan seerti atau seiras akan digunakan untuk mengelirukan calon.

Kata-kata kuncinya amat jelas terdapat dalam perenggan 1 dan 2. Dalam proses eliminasi, Pilihan A dan B tidak tepat. Kenyataan pilihan D (menyembuhkan penyakit sukar tidur dan ketegangan otot) tidak boleh diterima kerana fakta yang tepat hanya 'menyembuhkan penyakit sukar tidur'. Pilihan C jawapan yang paling tepat kerana hasil kajian yang dijalankan di Eropah dan Jepun. Perkataan 'insomnia' membawa maksud 'sulit tidur'.

Contoh soalan:

(ii) Perkataan '**menyembuhkan**' dalam petikan karangan ini bermaksud _____.

(A) memulihkan

~~(B)~~ mengawalkan

~~(C)~~ mengurangkan

(D) memuliharakan

Proses Eliminasi:

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Padankan kata kunci yang digaris dengan teks.
- ❖ Fahami konteks ayat yang mempunyai perkataan 'menyembuhkan' untuk mendapatkan maknanya.

*Perkataan '**menyembuhkan**' berada dalam perenggan 1. Dalam proses eliminasi, Pilihan B dan C tidak tepat kerana tidak bersesuaian dengan konteks ayat. Pilihan A dan D mempunyai sedikit persamaan dari segi bunyinya kerana hendak mengelirukan pemilihan calon. Pilihan D membawa maksud 'memulihkan dan memuliharakan sesuatu bangunan'. Jawapan yang paling tepat ialah pilihan A.*

KERTAS 2 (BAHAGIAN C – 30 markah)

Bahagian C - Kefahaman Subjektif

- Calon akan didedahkan kepada pelbagai jenis **soalan** dari **tahap rendah** hingga ke **tahap tinggi**. Terdapat **6 soalan** dan **2 soalan** bagi memberi **makna** pada perkataan yang ditebalkan.
- Calon perlu **membaca, menggarisi kata kunci** dan **memahami soalan** serta lihat pada **pemberatan markah**. Bagi **soalan** yang 5 **markahnya**, calon perlu memberikan **dua jawapan**.
- Selalunya, soalan yang memerlukan **dua jawapan**, akan dinyatakan dalam soalan dengan terperinci.
- Calon perlu ambil perhatian pada **kata kunci** seperti '**Terangkan**', '**Jelaskan**', '**Nyatakan**', '**Beri dua bukti/ccontoh/sebab/alasan/tindakan**.
- Calon juga perlu tahu **format menjawab soalan-soalan** kefahaman tersebut.

Contoh Teks Kefahaman Subjektif:

Satu kilauan memancar seolah-olah cuba membutakan mataku. Lambaian besi emas tulen menunjukkan **keangkuhan** dan kemewahan si pemakai. Jikalau aku tidak mengenalinya, sudah tentu aku akan lari bagai lipas kudung atau mungkin mentertawakannya.

“Engkau seperti tidak tahu kakak ipar kau. Kalau ke majlis kahwin, seolah-olah dia yang hendak berkahwin. Kilat sana, kilat sini...,” seloroh abangku.

Aku tersenyum memandangi kakak iparku, Kak Farah. Dia memang suka berdandan. Seingat aku, tidak pernah dia membeli pakaiannya dari gedung atau butik sederhana. Semuanya ditempah mahal. Jika ada perjumpaan atau perayaan, anak-anak saudaraku akan kerap mengenakan pakaian baharu dan mahal. Orang kata, mana jatuhnya kuah kalau bukan ke nasi. Aku bukannya apa, aku kasihan melihat abangku bekerja tungkus-lumus demi memenuhi permintaan Kak Farah yang ada kalanya melampaui batas. Namun, siapa yang tidak sayang akan isteri?

“Samsul sudah dapat tawaran ke jurusan Sains di Universiti Kebangsaan Singapura. Tidak ramai orang Melayu berjaya masuk dalam bidang ini. Tempoh hari pula, dia ke kem untuk budak-budak baharu. Di situ tidak ada orang Melayu langsung,” Kak Farah memulakan perbincangan.

Daripada lenggok suaranya, aku sudah dapat merasakan secubit kebanggaan. Aku rasa kurang selesa apabila memikirkan sumber sebenar kebanggaan itu. Ibu sering menegurku kerana asyik membuat andaian. Oleh itu, aku cuba sedaya upaya menolak semua fikiran serong daripada otakku. Namun, aku juga manusia biasa yang kadang kala **bersangka buruk**.

“Yakah? Syukur. Timah pun cukup gembira untuk Samsul. Hmm .. Ella bagaimana pula?” tanyaku kepada Kak Farah yang berkebayang songket merah garang.

Ingin benar aku mengetahui **perkembangan** anak-anak saudaraku. Walaupun semuanya mempunyai telefon bimbit, jarang sekali kami menghubungi satu sama lain. Apatah lagi sifat ibu mereka yang cemburu akan anak-anaknya rapat denganku, ibu saudara mereka sendiri. Darah daging mereka juga!

“Yang itu kakak pening kepala. Degil! Kakak suruh dia masuk ke Maktab Rendah Hwa Chong. Bukan dia tidak mampu dengan agregatnya. Asyik-asyik hendak ke maktab rendah kejiranan. Ada satu yang dia sebut ... lupa pula namanya? Kakak bukannya apa, di maktab itu, ramai sangat budak Melayu. Tidak bagus untuk Ella,” kata Kak Farah tanpa segan.

“Tidak apalah, Kak. Timah pun belajar di maktab rendah kejiranan, ke universiti juga akhirnya. Yang penting Ella bahagia. Mungkin dia tahu cara pembelajarannya lebih sesuai dengan struktur pembelajaran maktab rendah yang dipilihnya,” aku berpikah kepada Ella.

“Kakak cuma hendak yang terbaik untuk Ella. Lagi satu, si Ella hendak ambil sastera Melayu. Tidak naik berang dibuatnya Kakak! Ambil sastera, selepas itu jadi apa? Jadi guru Melayu?” Kak Farah cuba mempertahankan dirinya sambil mencebikkan bibirnya.

Perkara sebegini memang tidak asing untukku. Kenapa orang Melayu ada tanggapan seperti ini? Teruk sangatkah orang kita? Adakah bilangan orang Melayu menjadi ukuran kehebatan dan keunggulan sesebuah institusi atau jurusan? Pelik bukan?

(Dipetik dan diubah suai daripada Berita Harian, 5 Ogos 2011)

Contoh soalan Kefahaman Subjektif:

- (i) **Mengapakah Timah** mengatakan bahawa dia **'akan lari bagi lipas kudung atau mungkin mentertawakannya'** apabila **ternampak Kak Farah?** (3 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Soalan 3 markah hanya memerlukan satu jawapan.
- ❖ Format menjawab: Ini kerana ...

Jawapan:

Ini kerana barang kemas yang dipakai oleh Kak Farah amat berkilauan dan seolah-olah cuba membutakan matanya.

- (ii) **Mengapakah Timah** mempunyai perasaan **belas akan abangnya?** (3 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Soalan 3 markah hanya memerlukan satu jawapan.
- ❖ Format menjawab: Ini kerana ...

Jawapan:

Ini kerana abangnya terpaksa bekerja tungkus-lumus demi memenuhi permintaan Kak Farah yang ada kalanya melampaui batas.

- (iii) **Kak Farah bangga akan** anaknya, **Samsul**. Beri **dua bukti** bagi menyokong jawapan kamu itu. (5 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Soalan 5 markah memerlukan dua jawapan.
- ❖ Format menjawab: Bukti yang pertama Bukti yang kedua

Jawapan:

- *Bukti yang pertama ialah Samsul mendapat tawaran ke jurusan Sains di Universiti Kebangsaan Singapura yang tidak mempunyai ramai orang Melayu yang berjaya masuk dalam bidang ini. Bukti yang kedua ialah Samsul ke kem untuk budak-budak baharu dan di situ tidak ada orang Melayu langsung.*

- (iv) Nyatakan **satu perbezaan sifat** antara **Kak Farah** dan **Timah** terhadap **pilihan Ella**. **Berikan bukti** bagi menyokong jawapan kamu itu. (5 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti dan garisi kata kunci.
- ❖ Soalan 5 markah memerlukan dua jawapan.
- ❖ Format menjawab: Kak Farah... manakala Timah... .
Buktinya ialah Kak Farah ... manakala Timah

Jawapan:

Kak Farah memandang rendah terhadap orang Melayu manakala Timah mempunyai tanggapan tinggi akan pencapaian orang Melayu. Buktinya ialah Kak Farah tidak mahu Ella mengambil sastera Melayu dan kemudiannya menjadi guru Melayu manakala Timah percaya bahawa Ella yang belajar di maktab rendah kejuruan, masih mampu untuk melanjutkan pelajaran ke universiti.

- Bagi **soalan memberikan makna** perkataan, calon boleh menerangkan perkataan tersebut **tidak lebih daripada 10 patah perkataan** atau **satu perkataan** sahaja.

Contoh soalan beri makna:

Terangkan maksud perkataan yang berikut berdasarkan penggunaannya dalam petikan.

- (i) keangkuhan (baris 2) (2 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti kata dasar dan imbuhan yang digunakan.
- ❖ Jawapan memerlukan penggunaan imbuhan yang sama.

Jawapan:

keangkuhan – **kesombongan** / **kebanggaan**

- (ii) perkembangan (baris 23) (2 markah)

Panduan:

- ❖ Kenal pasti kata dasar dan imbuhan yang digunakan.
- ❖ Jawapan memerlukan penggunaan imbuhan yang sama.

Jawapan:

perkembangan – **pertumbuhan**

SKEMA JAWAPAN GCE 'N' MENDAKI 2014

No.	KOMPONEN	MARKAH
		10 markah
1.	memaparkan	2 m
2.	berlaku	2 m
3.	pengunjung	2 m
4.	ditayangkan	2 m
5.	kebanggaan	2 m
		5 markah
	A2: PERIBAHASA (Soalan 6 – 10)	
6.	(B) alah bisa tegal biasa	1 m
7.	(H) hidup kayu berbuah, hidup manusia berjasa	1 m
8.	(A) garam jatuh ke air	1 m
9.	(E) malu berkayuh perahu hanyut	1 m
10.	(I) hutang emas dapat dibayar, hutang budi dibawa mati	1 m
		5 markah
	A4: MELENGKAPKAN TEKS (Soalan 11 – 15)	
11.	dibawa	1 m
12.	menjunjung	1 m
13.	segar	1 m
14.	namun	1 m
15.	pilihan	1 m
		10 markah
	BAHAGIAN B:	
	PEMAHAMAN OBJEKTIF (Soalan 16 – 20)	
16.	D	2 m
17.	D	2 m
18.	C	2 m
19.	C	2 m
20.	D	2 m
	BAHAGIAN C:	30

No.	KOMPONEN	MARKAH
PEMAHAMAN SUBJEKTIF (Soalan 21 – 28)		Markah
21.	<p>Beri dua reaksi yang ditunjukkan Badrul apabila Cikgu Zailani meminta dia berlakon.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Mulutnya terlopong dan diam tidak berkata. <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> • Peluh sejuk membasahi tubunya dan darahnya naik. <p><i>(Jawapan yang munasabah boleh diterima)</i></p>	3 m
22.	<p>Terangkan sebab ibu Badrul tidak bersetuju Badrul berlakon.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebabnya ialah Badrul masih berdegil hendak berlakon tanpa memikirkan kesihatannya kerana dia menghadapi cirit-birit dan demam panas. <p style="text-align: center;">ATAU</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebabnya ialah Badrul mudah mendapat darah gemuruh dan akan cepat lemah semangat. 	3 m
23.	<p>“Gerun sekali aku mendengar hujah Cikgu Zailani yang seolah-olah mengugut dan menggugat diriku.” (baris 10). Mengapakah Badrul membuat pernyataan ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Alasan yang pertama adalah jika Badrul tidak dapat berlakon, kelab drama mereka terpaksa menarik diri daripada pertandingan tersebut. • Alasan yang kedua ialah peranan yang dibawa oleh Badrul dalam lakonan itu amat penting dan tanpa watak Badrul maka tidak ada makna pada cerita drama tersebut. 	5 m
24.	<p>Nyatakan dua sebab mengapakah Badrul tetap berdegil hendak terus berlakon.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sebab yang pertama ialah ia merupakan pertandingan yang berprestij yang hanya diadakan dua tahun sekali. • Sebab yang kedua ialah dua tahun yang lalu, kelab drama Badrul tidak memenangi apa-apa piala dan pada tahun ini Badrul tidak mahu menghampakan sekolahnya. • Sebab yang ketiga ialah dia yakin bahawa kelab dramanya boleh menang kerana skrip ‘Pohon Beringin Pak Sako’ penuh bersejarah dan ada unsur-unsur dramatik. 	5 m

No.	KOMPONEN	MARKAH
	<i>(Pilih 2/3 jawapan yang diberikan)</i>	
25.	<p>Beri dua sifat positif Cikgu Zailani serta contoh-contoh bagi menyokong jawapan kamu itu.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Sifat yang pertama ialah Cikgu Zailani seorang yang prihatin. Contohnya ialah beliau berusaha memberi kata-kata perangsang kepada Badrul setelah diberitahu ibu Badrul tentang darah gemuruhnya. • Sifat yang kedua ialah Cikgu Zailani tidak memandang rendah pada kelemahan seseorang. Contohnya ialah beliau percaya pada diri Badrul yang dia boleh berlakon dengan baik. 	5 m
26.	<p>Setujukah kamu bahawa Badrul berjaya mengatasi masalah darah gemuruhnya? Jelaskan.</p> <p>Badrul berjaya mengatasi masalah darah gemuruhnya.</p> <ul style="list-style-type: none"> • Penjelasan yang pertama ialah Badrul akan berusaha melenyapkan perasaan darah gemuruhnya dengan sentiasa bersikap tenang dan kuat semangat. • Penjelasan yang kedua adalah setelah kelab drama Badrul menjadi juara, dia kini semain bersedia untuk membawa watak-watak yang lebih mencabar dalam lakonan-lakonan yang seterusnya. 	5 m
27.	cemas : gelisah / bimbang / risau / takut	2 m
28.	mengharumkan: menaikkan / membanggakan	2 m
	Markah Penuh	60 Markah